



# PENJAJAHAN

## DARI PERSPEKTIF JURISPRUDENS WATAN

Penjajahan merupakan istilah yang cukup popular dengan pelbagai tanggapan. Secara umumnya, hal ini menunjukkan keadaan yang ditewaskan, kehilangan kedudukan tertinggi, terhapusnya penguasaan penuh dan wujudnya kuasa asing yang menggantikan pemerintah tempatan dalam wilayah kekuasaannya.

**P**enjajahan merupakan satu istilah yang berlawanan dengan kedaulatan yang secara harfiah bermaksud kuasa agung dalam sesuatu wilayah pemerintahan.

Aspek kedaulatan dinilai dari sudut pihak yang memegang sumber kepada keabsahan kuasa legislatif, eksekutif dan kehakiman. Sebuah negeri tidak wajar disifatkan sebagai dijajah selagi kuasa kedaulatan masih kekal dipegang oleh pemerintah tempatannya. Hal ini demikian kerana penjajahan itu berpangkal pada pelucutan kuasa dan perpindahan kuasa kedaulatan pemerintah tempatan kepada kuasa asing.

Metodologi jurisprudens watan menganalisis isu dan tafsiran undang-undang berdasarkan teks perlembagaan itu sendiri, statut dan prinsip undang-undang yang diterima dalam kerangka kedaulatannya. Dengan berbuat demikian, aspek kedaulatan, sejarah tempatan dan adat istiadat

dianalisis untuk menentukan sistem perlembagaan sesebuah negara atau kerajaan yang mengandungi falsafah, doktrin dan prinsipnya. Adat ini merangkumi undang-undang, amalan, budaya, konvensyen dan definisi istilah, mencerminkan pemahaman tempatan tentang perspektif falsafah dan linguistiknya (Wan Husain, 2021).

Menurut Martin (2013), terdapat lapan keadaan mengikut undang-undang antarabangsa untuk kuasa kedaulatan diperolehi, iaitu:

1. Pelaksanaan kawalan berkesan-pendudukan dan preskripsi.
2. Penemuan.
3. Penyerahan dan perjanjian.
4. Penggunaan kekerasan – penaklukan.
5. Pertambahan wilayah
6. Keputusan kehakiman
7. *Uti possidetis* dan prinsip lain yang berkaitan dengan pemerolehan wilayah.
8. Penentuan nasib sendiri.

Makalah ini bertujuan untuk membahaskan penjajahan dari aspek *cession* dan *under conquest* kerana isu membawa banyak salah faham tentang kedudukan negeri Melayu di Malaysia terutamanya. *Cession* menurut Oxford Public International Law (2024) ialah, "*Persefahaman di bawah undang-undang antarabangsa yang mana wilayah dipindahkan dari satu negeri ke negeri lain dengan persetujuan kedua-dua negeri yang menjadi satu daripada cara di mana negeri boleh memperoleh wilayah secara sah (Wilayah, Pemerolehan) dan berdasarkan persetujuan bersama, mungkin hari ini cara yang mempunyai kaitan praktikal yang paling besar. Oleh sebab hal tersebut, semestinya memerlukan perubahan wilayah, penyerahan memerlukan kes penggantian negara, iaitu penggantian satu negara oleh yang lain dalam tanggungjawab untuk hubungan antarabangsa wilayah ....*"

Pengertian *cession* mengikut pemahaman tempatan boleh dirujuk



pada amalan yang pernah berlaku di Tanah Melayu selaras dengan doktrin keadaan tempatan (*local circumstances*) yang diiktiraf oleh British.

Makalah ini mengemukakan tiga dokumen lain yang mengandungi peruntukan menunjukkan niat dan persetujuan untuk menyerahkan kedaulatan kepada pihak lain seperti yang berikut:

1. Perjanjian Perak bertarikh 18 Oktober 1826 antara Paduka Sri Sultan Abdullah Ma-alum Shah dengan Kepten James Low yang berbunyi, *"The Sultan, who governs the whole of the Perak Country and its dependencies, has this day, in the month and year herein specified, given over and ceded to the Honourable the East India Company of England, to be under its government henceforward and forever, the Pulo Dinding and the Islands of Pangkor..., to be kept and governed by them and to be placed under any one of their governments as they may think fit."*
2. Perjanjian antara Sultan Ali dengan Temenggong Daing Ibrahim bertarikh 10 Mac 1855 yang berbunyi, *"1<sup>st</sup>. His Highness Ally Iskandar Shah bin Sultan Hussain Mohomed Shah, for himself and successors, does hereby cede in full sovereignty and absolute property to His Highness Datu Tumungong Daing Ibrahim Sri Maharajah bin Tumungong Abdul Rahman Sri Maharajah, his heirs and successors forever, the whole of the territory of Johore within the Malayan Peninsula and its*

*dependencies, with the exception of the Kassang territory hereinafter mentioned."*

3. Warkah Dato' Klana Petra Syed Abdul Rahman al-Kadri, pemerintah Luak Sungai Ujong berhubung dengan penyerahan sebidang tanah seluas 94 ekar bernama Simpang bertarikh 31 Mei 1877 yang berbunyi, *"This piece of land I, of my own free will, cede to the Queen's Government, Her Heirs and successors forever to be under the jurisdiction of the Queen's Government, Her Heirs and successors."*

Berdasarkan rujukan dokumen perundangan Perjanjian Perak bertarikh 18 Oktober 1826, Perjanjian antara Sultan Ali dengan Temenggong Daing Ibrahim bertarikh 10 Mac 1855 dan Warkah Dato' Klana Petra Syed Abdul Rahman al-Kadri bertarikh 31 Mei 1877, dapat dirumuskan bahawa dalam kes yang melibatkan perjanjian, pemindahan kuasa kedaulatan dalam kewilayahan tertentu hanya boleh berlaku sekiranya kuasa tersebut diserahkan secara mutlak. Dengan kata lain, sesuatu wilayah dalam kekuasaan pemerintah tempatan akan bertukar tangan menjadi tanah jajahan pihak lain selepas berlaku pemindahan kuasa kedaulatan secara sah mengikut perjanjian atau dokumen perundangan. Kuasa kedaulatan tempatan juga boleh dirampas melalui penaklukan.

Dalam *Island of Palmas Case (Netherlands, USA), The Hague, 4 April 1928 Vol. II pp. 829–871*, Mahkamah Tetap Arbitrasi membicarakan isu

pertikaian hak kedaulatan ke atas Pulau Palmas antara Amerika Syarikat (AS) dengan Netherlands. Kes tersebut berbangkit daripada tuntutan AS bahawa kuasa kedaulatannya ke atas Pulau Palmas diperoleh dari Sepanyol melalui penyerahan kuasa kedaulatan di bawah Traktat Paris (*Treaty of Paris*). Tuntutan AS itu gagal kerana Arbitrator memutuskan tiada anggapan yang memihak kepada kedaulatan Sepanyol boleh berdasarkan undang-undang antarabangsa mengenai hak yang digunakan oleh AS sebagai pengganti Sepanyol. Prinsip undang-undang daripada keputusan tersebut ialah pihak yang tidak memiliki kedaulatan ke atas sesuatu wilayah tidak boleh menyerahkan hak tersebut kepada pihak lain.

Artikel 52 *Vienna Convention on the Law of Treaty 1969* memperuntukkan bahawa perjanjian adalah tidak sah jika kesimpulannya telah diperoleh oleh ancaman atau penggunaan kekerasan yang melanggar prinsip undang-undang Antarabangsa yang terkandung dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Penaklukan pula dari sudut undang-undang antarabangsa menurut Britannica (2024) ialah pengambilalihan wilayah melalui kekerasan, terutamanya oleh negara yang menang dalam peperangan dengan mengorbankan negara yang dikalahkan. Penaklukan yang berkesan berlaku apabila peruntukan fizikal wilayah (pengilhakan) diikuti dengan "subjugasi" (proses undang-undang memindahkan hak milik).

Satu lagi istilah popular apabila membahaskan hubungan antara kuasa asing dengan negeri lain ialah campur tangan. Istilah tersebut digunakan untuk menunjukkan berlaku proses campur tangan kuasa asing dalam hal ehwal pemerintahan tempatan tanpa berlaku pelucutan kuasa kedaulatannya. Dalam konteks ini, terdapat campur tangan secara langsung dan campur tangan secara tidak langsung yang berlaku di luar batas keizinan pemerintah tempatannya. Tahap campur tangan sedemikian turut perlu diperiksa jika



Dalam konteks kedudukan British di Tanah Melayu, statusnya perlu diperiksa melalui perjanjian yang ditandatangani dengan Raja-raja Melayu kerana itulah sumber kuasa untuk mereka bertindak.

pada akhirnya melucutkan kedaulatan pemerintah tempatan.

Campur tangan turut dikatakan berlaku dalam negeri yang berstatus sebagai *protectorate* dan *protected state*. Oxford Public International Law (2024), mentakrifkan *protectorate* dan *protected State* berlaku kerana Janji Negara yang agak kuat untuk melindungi negara yang lemah daripada pencerobohan luar atau gangguan dalaman, sebagai balasan yang mana entiti yang dilindungi menghasilkan kuasa tertentu kepada pelindung. Pada kebiasaannya, asas undang-undang untuk rejim perlindungan merupakan perjanjian yang mana negara yang melindungi memperoleh kawalan penuh ke atas hal ehwal luar negeri atau wilayah lain, sementara yang terakhir terus mempunyai perintah ke atas hal ehwal dalamannya. Entiti yang bergantung pada perlindungan itu tidak dijajah.

Dalam perhubungan antara kuasa asing dengan negeri lindungannya, terdapat keizinan pemerintah tempatan melalui perjanjian yang mentakrifkan kewajipan kedua-dua belah pihak. Hubungan ini berlaku disebabkan keperluan masing-masing pihak. Dalam keadaan ini, inti pati perjanjian dan pelaksanaannya perlu dianalisis untuk memeriksa sama ada perkara yang berlaku adalah sah.

Pelaksanaan dan penguatkuasaan berbangkit daripada perjanjian mengikut syaratnya merupakan pematuhan pihak yang berkontrak. Pelanggaran atau tinggalan oleh mana-mana pihak yang berkontrak pula merupakan suatu ketidakpatuhan yang boleh mengakibatkan pihak satu lagi menuntut remedi di sisi undang-undang. Hubungan antara kedua-dua belah pihak perlu dilandaskan kepada terma dan syarat yang dipersetujui kerana itu menterjemahkan niat masing-masing.

Campur tangan akibat wujudnya perjanjian amat berbeza sama sekali dengan sifat campur tangan yang disebut lebih awal. Istilah yang lebih tepat bagi campur tangan akibat wujudnya perjanjian ialah "pelibatan" atau "keterlibatan". Pada hakikatnya, hubungan tersebut merupakan hal ehwal antara dua pihak yang berkontrak.

Istilah kemerdekaan dan kebebasan sering menjadi perbincangan dalam penentuan sama ada sesebuah negeri itu dijajah atau tidak. Oleh sebab wujudnya keadaan yang membawa kepada pemindahan kuasa kedaulatan tempatan kepada kuasa asing, ada pula meletakkan sesebuah negeri berstatus sebagai dalam lindungan dan tidak boleh dinafikan wujudnya kewajipan pihak dalam

perjanjian yang ditandatangani, maka keadaan itu perlu diperiksa secara kes demi kes, tanpa boleh dibuat tanggapan umum secara mudah. Istilah kemerdekaan yang digunakan tidak hanya boleh sandarkan kepada peristiwa selepas penjajahan. Begitu juga halnya dengan istilah kebebasan yang tidak menjadi semata-mata syarat kepada sebuah pemerintahan yang berdaulat. Sambutan Hari Kemerdekaan perlu dilihat daripada tiga sudut, iaitu:

1. Bebas daripada penjajahan.
2. Bebas daripada campur tangan.
3. Bebas daripada perjanjian.

Bebas daripada penjajahan berlaku apabila sesebuah negeri dalam jajahan kuasa asing dikembalikan kedaulatannya kepada pihak berkuasa tempatan. Bebas daripada campur tangan berlaku selepas gangguan kuasa asing yang tidak melucutkan kuasa kedaulatan pemerintah tempatannya berakhir. Bebas daripada perjanjian pula apabila kedua-dua belah pihak tidak lagi terikat dengan terma dan syarat perjanjian masing-masing.

Dalam konteks kedudukan British di Tanah Melayu, statusnya perlu diperiksa melalui perjanjian yang ditandatangani dengan Raja-raja Melayu kerana itulah sumber kuasa untuk mereka bertindak. Adalah sesuatu yang khilaf jika berlaku tanggapan negeri Melayu dijajah disebabkan negara menyambut Hari Kemerdekaan pada setiap tahun. ■

**Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain**, Profesor Madya di Institut Antarabangsa Pemikiran Islam dan Tamadun, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.